

SATU KAJIAN KES: MENGENALPASTI KESAN KOMUNIKASI IBU BAPA DENGAN ANAK-ANAK KETIKA DI RUMAH

Case Study : Identify the effects of parents' communication with children at home

Nura Zafirah Zailan^{1*}, Iylia Mohamad²

Learning Institute for Empowerment (LiFE) Multimedia University, Cyberjaya, Malaysia^{1*}
Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia²

nura.zafirah@mmu.edu.my^{1*}, iylia@fpm.upsi.edu.my²

*Corresponding Author

Published: 28 June 2023

To cite this article (APA): Zailan, N. Z., & Mohamad, I. (2023). Satu kajian kes: Mengenalpasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 92–98.
<https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.9.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.9.2023>

ABSTRAK

Komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak mampu membantu perkembangan holistik anak terutama dalam pencapaian akademik dan emosi mereka. Pada masa kini, kanak-kanak banyak terdedah dengan pelbagai gajet yang membantutkan komunikasi di antara seisi rumah. Oleh yang demikian, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika berada di rumah. Kajian ini menggunakan kaedah temubual yang bersifat kualitatif ke atas tiga orang ibu bapa yang menetap di daerah Klang, Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa ibu bapa yang sering berkomunikasi dengan anak-anak apabila berada di rumah dapat memberikan kesan yang positif kepada anak-anak dari segi bahasa, hubungan perapatan dan tingkah laku. Oleh yang demikian, perkara ini amat ditekankan dalam sesebuah institusi kekeluargaan agar hubungan kesejahteraan antara ahli keluarga dapat dipupuk.

Kata kunci: komunikasi, penglibatan ibu bapa

ABSTRACT

Good communication between parents and children can significantly contribute to a child's holistic development, particularly in their academic achievements and emotional well-being. In today's context, children are often exposed to various gadgets that hinder communication within the household. Therefore, the main objective of this study is to identify the effects of parent-child communication while at home. This study utilizes a qualitative interview method and involves three sets of parents residing in the Klang district, Selangor. The study findings indicate that parents who frequently engage in communication with their children at home have a positive impact on the children's language development, relationship closeness, and behavior. Consequently, this aspect is highly emphasized within any family institution to cultivate a nurturing environment and enhance the well-being of family members.

Keywords: communication, parenting

PENGENALAN

Komunikasi pada zaman moden ini adalah sangat penting dalam memenuhi dan melengkapi kehidupan manusia. Namun dengan adanya komunikasi yang berkesan, dunia informasi dapat disampaikan dan disebarluaskan ke seluruh dunia (Amir & Ahmad, 2016). Komunikasi ialah proses menghantar dan menerima mesej secara lisan atau bukan lisan. Komunikasi didefinisikan sebagai penciptaan dan pertukaran makna (Richard, 2019). Semua orang perlu berkomunikasi untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Justeru dalam konteks keibubapaan, ibu bapa adalah model untuk mengajar anak-anak berkomunikasi. Perkara ini turut dipersetujui oleh Zainiah et al., (2021) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa bahasa dan komunikasi yang baik adalah penting untuk meningkatkan perkembangan kognitif dan perhubungan sosial kanak-kanak. Tambahan pula, apabila hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, maka hubungan kekeluargaan akan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah (Noraini et al, 2019).

Ibu bapa perlu mengamalkan komunikasi yang berkesan dengan anak-anak agar dapat mencapai proses pendidikan yang lebih baik dan seimbang (Safinah et al, 2020). Hal ini adalah kerana ibu bapa merupakan orang yang paling hampir dengan anak-anak sejak mereka kecil lagi. Malah, masa yang diluangkan juga adalah lebih lama bersama ibu bapa berbanding orang lain. Berdasarkan teori Piaget pada peringkat sensori motor, iaitu bayi berumur 0 hingga 2 tahun, mereka belajar melalui interaksi yang berada di sekeliling mereka dan perkara ini membantu perkembangan kognitif bayi (Aini, 2014).

Zulkifli et al. (2011) turut menyokong dengan menerangkan bahawa ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam mencorakkan keperibadian anak-anak melalui didikan yang sempurna dalam suasana yang baik sejak anak-anak di peringkat bayi lagi sehingga mereka masuk ke alam universiti. Justeru hasil didikan ini dapat diatasi jika ibu bapa memberikan asuhan yang betul dan perhatian sepenuhnya supaya anak-anak lebih selesa dengan ibu bapa. Ini kerana, menurut pandangan Pacionni. J. (2018), apabila ibu bapa mengambil berat tentang anak-anak ia akan mempunyai kaitan positif dengan pencapaian akademik mereka dan kepercayaan ibu bapa tentang kesediaan sekolah, penglibatan berdasarkan rumah dan sekolah, dan pencapaian akademik anak-anak akan jadi lebih baik.

Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti apakah kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika berada di rumah. Perkara ini akan dapat memberi gambaran bagaimana komunikasi berlaku di antara seisi rumah.

SOROTAN LITERATUR

Kesibukan kerja ibu bapa adakalanya menjadi penghalang kepada ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak-anak apabila di rumah. Perkara ini turut disokong oleh Jamil N.A et al. (2022) yang menyatakan apabila ibu bapa tiba dirumah, mereka ingin merehatkan diri dan bermalas-malasan. Justeru mereka akan banyak menghabiskan masa dengan hal masing-masing seperti bermain gajet, menonton televisyen atau berehat. Menurut Jamil N.A et al. (2022) lagi, faktor kekangan masa ini telah menyebabkan ibu bapa menjadi kurang peka terhadap peranan mereka dan

membiaran anak mereka tidak dipantau. Perkara sama turut disokong Zur Raffar et al. (2018) yang menyatakan ibu atau bapa tunggal juga mengalami halangan untuk berkomunikasi kerana kesibukan kerja.

Mohamad, I. et.al (2020) dalam kajiannya menyatakan ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya sebenarnya tanpa mereka sedari mereka telah mengabaikan anak-anak mereka seperti sibuk bekerja dan menghabiskan kerja pejabat atau melakukan rutin kerja rumah. Anak-anak ini akan bermain secara sendirian, menonton televisyen atau gajet tanpa pengawasan, ibu bapa yang tidak menjawab pertanyaan mereka dan banyak lagi. Mereka dipaksa untuk memahami "kerja" ibu bapa sementara di dalam diri, mereka didera secara emosi oleh ibu bapa. Kajian oleh Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali (2019), turut bersetuju dan menyatakan perkembangan media sosial dan teknologi yang berlaku pada hari ini menyebabkan komunikasi antara ibu bapa dan anak semakin berkurangan. Ibu bapa dilihat perlu bersaing dengan teknologi yang mana pada masa kini ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka.

Swari et al. (2020) menegaskan komunikasi adalah sangat penting untuk membantu kanak-kanak membina kemahiran dari segi akademik agar mereka berasa yakin dalam pembelajaran dan dalam masa sama, untuk membina keyakinan diri anak-anak, ibu bapa perlu sering berinteraksi dan berkomunikasi dengan mereka seperti memberi nasihat, pandangan dan motivasi. Justeru, perkara ini membuatkan komunikasi menjadi sangat penting antara ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa perlu pandai membahagikan masa antara kerjaya dan tanggungjawab. Jamil, N. A et.al (2022) mencadangkan, ibu bapa terpaksa mengurangkan masa untuk berehat dan bersantai demi meluangkan masa untuk melakukan aktiviti bersama anak-anak.

Rumah adalah tempat untuk keluarga menghabiskan masa bersama-sama antara ibu bapa dan anak-anak. Daripada masa yang diluangkan ini, ibu bapa dapat mengenali personaliti anak-anak selain mengetahui apakah yang berlaku terhadap anak mereka sama ada berkenaan sekolah, rakan-rakan, masalah dan pelbagai lagi yang dapat dirungkai. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu memastikan persekitaran rumah yang baik, komunikasi yang teratur dan menghormati antara satu sama lain kerana ia mampu membentuk hubungan yang erat di antara satu sama lain.

Norlizah (2017) dalam kajiannya menyatakan ibu bapa berperanan sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan kualiti serta memastikan pembelajaran yang berkualiti terhadap anak-anak mereka. Menurut beliau lagi, tanggungjawab mendidik ini bukannya lagi menjadi tanggungjawab guru sepenuhnya malah turut perlu membabitkan ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Sementara itu, dalam kajian Mohan Rathakrishnan (2020), beliau menyatakan perkara ini telah dapat dibuktikan ketika negara dilanda pandemik Covid-19, di mana ibu bapa dilihat dapat membantu anak-anak belajar di rumah dengan bantuan guru dan rakan-rakan menggunakan aplikasi-aplikasi tertentu. Pandemik Covid-19 telah banyak memberi hikmah kepada ibu bapa dan anak dalam mengembalikan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak selain membantu merapatkan hubungan di antara ibu bapa dan anak melalui komunikasi yang berlaku.

Menurut Nurhamizah Hashim dan Asbah Razali (2019), anak-anak yang kurang berkomunikasi dengan ibu bapa akan mempunyai kebarangkalian untuk terlibat dengan masalah juvana, penyakit mental, tekanan, konflik dalam diri, masalah interpersonal, bunuh diri, penurunan pencapaian akademik, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah dan bersikap

emosional. Perkara ini terjadi kerana kanak-kanak yang sedang meningkat remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebaya. Oleh yang demikian, pentingnya komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak agar ibu bapa dapat membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak tentang bagaimana menjalani kehidupan mereka dan menilai antara perkara baik dan buruk.

Hal yang sama turut dipersetujui oleh kajian yang dijalankan oleh Syazwana Aziz et al. (2019) yang menekankan pemantauan ibu bapa adalah amat penting untuk mengelakkan kanak-kanak terjerumus dalam kancang merbahaya akibat kurang perhatian dan pantauan dari ibu bapa. Oleh yang demikian, beliau turut sama menyatakan ibu bapa yang menunjukkan perhatian dan memberikan kepercayaan kepada anak-anak mampu membuatkan anak-anak merasa selesa untuk berkomunikasi dengan mereka dan perkara ini dapat mengelakkan kanak-kanak daripada terlibat dengan masalah devian kerana kesan daripada masalah komunikasi di antara ahli keluarga ini boleh memberi impak kepada anak-anak dari segi tingkah laku mereka.

METODOLOGI

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat apakah kesan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak ketika di rumah. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur yang merangkumi 14 soalan. Soalan temu bual telah diberikan kepada pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak bagi tujuan kesahan. Kajian ini juga melibatkan tiga orang ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur empat hingga enam tahun di mana responden juga tinggal di sekitar daerah Klang, Selangor. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah tematik daripada hasil temu bual yang dijalankan bersama responden.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kepentingan komunikasi

Hasil daripada analisis temu bual yang dijalankan ke atas tiga orang ibu bapa mendapati ibu bapa ini banyak menggunakan kaedah berkomunikasi secara terus dan pada bila-bila masa. Hal ini dapat dilihat apabila responden menyatakan;

Responden 1: “*macam cara saya, saya selalu ajak dia berbual je.. contoh macam apa yang berlaku dengan dia, apa kebaikan atau kesalahan yang dia buat pada hari tersebut. Bila saya tanya je apa dia buat terus banyak bercerita. Kadang-kadang samoai berpusing-pusing cerita di akita jadi tak faham pula. Tapi saya layangkan aje sembangnya sekadar untuk meluangkan masa bersama*”

Responden 2: “*kebiasaannya kami berbual bersama dengan keluarga, borak dengan adik beradik yang lain sekali. Apa-apa topik semua sembang sama-sama je. Ambil peluang tanya semua anak-anak tentang hari yang diorang dah lalui. Ok ke tak ok*”

Responden 3: “*kami suka berbual secara dua hala. Pandangan mata ke mata dan saya berada disebelahnya itu lagi memudahkan. Walaupun kadang-kadang kejap tapi bagi saya, dia tahu keberadaan saya*”

Berdasarkan dapatan kajian dapat dilihat walaupun kaedah komunikasi yang digunakan oleh setiap responden berbeza, namun masing-masing sedar akan kepentingan berkomunikasi bersama anak-anak mereka. Menurut Ismail, S. et al. (2020), komunikasi adalah satu aspek penting dalam sesebuah keluarga di mana ia mampu membentuk dan membimbing peribadi anak-anak. Beliau juga menekankan ibu bapa adalah penggerak utama dalam mengukuhkan kesejahteraan sesebuah keluarga. Annisa Ariani (2020), turut bersetuju di mana beliau berpendapat tujuan komunikasi dan interaksi keluarga adalah untuk ibu bapa memberikan informasi, nasihat dan merespon dari persoalan anak agar hubungan keluarga dapat kekal harmoni dan sejahtera.

Hubungan perapatan antara ibu bapa dan anak

Hasil dari temu bual yang dijalankan, ibu bapa menyedari bahawa melalui komunikasi yang dilakukan bersama anak-anak di rumah, anak-anak mereka menjadi lebih rapat dan perkembangan anak-anak juga bertambah baik. Perkara ini dinyatakan responden seperti berikut;

Responden 1: “*yaaa... daripada komunikasi bersama tu, saya nampak anak punya bahasa bertambah baik macam dah banyak perkataan baru dia sebut. Kadang-kadang saya betulkan perkataan yang dia salah sebut tu. Jadi lain kali dia akan sebut perkataan yang betul. Benda paling menyentuh hati bila dia dah pandai meluahkan emosi dia dan boleh bagitau apa dia nak dan rasa. Contohnya dia suka cakap abang sayang mama. Sedap mama masak lauk ayam ni.*”

Responden 2: “*Ya. setiap kali berbual, anak dapat belajar bercakap dengan betul dan dapat memperbetulkan sebutan yang salah. Saya jadi suka nak bercakap dengan dia sebab nak tengok perkembangan dia lagi. Saya perasan mula-mula dia sebut satu perkataan, kemudian dua perkataan, kemudian tiga dan makin lama makin banyak bila kita selalu bercakap dengan dia.*”

Responden 3: “*Saya suka bila berbual dengan anak, kami boleh berkongsi pelbagai perkara dan membuatkan hubungan saya dan anak menjadi rapat. Anak pun jadi suka nak share semua benda yang berlaku.*”

Berdasarkan dapatan kajian mendapati hubungan mereka dan anak dapat dibina melalui komunikasi yang berlaku. Dalam masa yang sama, ibu bapa dapat membantu perkembangan anak dengan menambahbaik penggunaan bahasa, penambahan tatabahasa dan sebutan yang betul.

Menurut Jamil, N. A., et al. (2022), perhatian yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak sebenarnya memberi sentuhan jiwa kepada anak-anak dan dapat membuatkan mereka rasa seperti dihargai. Menurut beliau lagi, ia dapat membantu kanak-kanak dalam pencapaian akademik dan dalam masa sama membantu hubungan anak dengan orang lain. Perkara ini turut dipersetujui oleh Sabarua, J. O., & Mornene, I. (2020) yang menyatakan komunikasi yang efisien dan efektif antara ibu bapa dan anak memberi sumbangan luar biasa kepada anak di mana ia akan menimbulkan rasa keakraban, keterbukaan dan perhatian antara keduanya.

Dapat mengawal tingkah laku anak.

Hasil temubual mendapati responden ada menyatakan dengan berkomunikasi secara kerap bersama anak sama ada bertanya tentang hari mereka atau sekadar bersempang, mereka dapat mengawal tingkah laku anak melalui nasihat yang diberikan.

Responden 1:

“kadang-kadang sambil bersempang dia ada cerita tentang kawan yang buat masalah di sekolah, jadi saya ambil peluang nasihat dia dan dia boleh faham baik buruk sesuatu perkara”

“Bila dah kerap kali kita nasihat tu, nampak perangai anak macam terkawal sikit. Sebab dah selalu kita ingat-ingatkan dia”.

Responden 2:

“Saya suka bila tanya tentang hal sekolah, nanti banyak dia cerita tentang itu ini, saya boleh selitkan nasihat do and don’ts dia kena buat dekat sekolah”

“saya perasan bila kerap bercakap, bersempang dengan dia perangai dia kita boleh control, tapi bila dia lama main gadget, mula lah perangai tak elok macam tantrum tu keluar. Kalau kerap bersempang, macam boleh control sikit tantrum tu.”

Responden 3:

“Bila waktu bersempang tu, saya perasan banyak perkara dia nak mengadu. Saya akan dengar dan nasihat apa yang perlu ikut situasi cerita dia”

“Perangai anak bila kita ingatkan selalu tu dari yang dia share cerita kat sekolah tentang kawan-kawan tu, dia boleh beza mana baik buruk.”

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan responden menyatakan mereka dapat melihat tingkah laku positif anak apabila kerap berkomunikasi. Responden juga menunjukkan akan mengambil peluang yang ada untuk menasihati dan menerangkan kepada anak akan sikap baik dan sebaliknya terhadap sesuatu tingkah laku yang disampaikan kepada mereka. Perkara ini membuatkan mereka dapat mengawal tingkah laku anak melalui berkomunikasi di antara satu sama lain. Hal ini berlaku adalah kerana menurut Zaleha et.al (2021), corak komunikasi boleh membentuk hubungan sosialisasi yang akan memberikan pengaruh yang signifikan dalam tingkah laku anak-anak. Malah beliau juga turut menekankan ekspresi emosi yang ditonjolkan oleh ibu bapa di hadapan anak-anak akan menjadi contoh kepada anak-anak dalam tingkah laku mereka.

KESIMPULAN

Ibu bapa sedar akan kepentingan berkomunikasi bersama anak memberikan impak positif terhadap anak mereka. Tetapi beberapa keadaan dan situasi menyebabkan segelintir daripada mereka terpaksa tidak mengendahkan anak seperti apabila kepenatan, tertekan, rungsing dan sebagainya yang mengelak daripada untuk berkomunikasi dan menawarkan gajet sebagai ganti. Sebagai ibu bapa, ilmu keibubapaan, sabar dan tahu mengawal emosi perlu diterapkan kerana anak adalah amanah Allah SWT kepada mereka. Justeru perhatian dan didikan perlu diberikan kepada mereka. Gajet atau teknologi tidak dapat mengantikan tanggungjawab ibu bapa malah ia

akan membuatkan hubungan antara mereka semakin jauh. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu pandai menguruskan emosi dan tanggungjawab dalam membimbing anak-anak.

RUJUKAN

- Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus (2016), *Komunikasi Berkesan*. Technical University of Malaysia Melaka.
- Hashim, N., & Razali, A. (2019). Teknologi Dan Media Sosial Dalam Komunikasi Ibumapa Dan Anak-Anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Irma Yanti Mahamud (2017), Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti Pembelajaran di Rumah dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Murid di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Universiti Putra Malaysia.
- Ismail, S., Rasit, R. M., Aini, Z., Ismail, N., & Mohamad, N. (2020). Cabaran Komunikasi Ibu Bapa Dalam Keluarga Muslim di Selangor. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 67-77.
- Jamil, N. A., Kariuddin, N. A. F., Abdul, M. A., Arof, N. M., & Mohamad, I. (2022). Penglibatan Ibu Bapa Dalam Rutin Perbualan Harian Bersama Anak: Satu Analisis Keperluan. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 7(1), 53-60.
- Mohamad, I., Ismail, H., Albareeabdul, M., Manja, S. A., & Yusof, N. I. (2020). The Effect Of Neglectful Parent Towards Children During movement Control Order (Mco) Of Covid-19. *Palarch's Journal of Archaeology Of Egypt/Egyptology*, 17(6), 12191-12210.
- Noor Aini Ahmad (2014), *Mengintegrasikan Teknologi Komunikasi dan Maklumat Sebagai Media Pengajarasaan Bahasa Dalam Kalangan Kanak-Kanak Awal Umur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail, Nazneen Ismail (2019), *Peranan komunikasi ibu bapa terhadap proses bimbingan dan penyampaian maklumat kepada anak-anak*. Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rathakrishnan M. (2020), COVID-19 Ubah Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah. <https://www.bharian.com.my/renanca/komentar/2020/07/710464/covid-19-ubah-pengajaran-dan-pembelajaran-dari-rumah>
- Sabarua, J. O., & Mornene, I. (2020). Komunikasi Keluarga Dalam Membentuk Karakter Anak. *International Journal of Elementary Education*, 4(1), 83-89.
- Safinah Ismail, Muhammad Aufa Haziq Nor Azman, Muhammad Aiman Syakir Aziz, Mohamad Safarudin Rahim (2020) *Dakwah dan Komunikasi Interpersonal Ibu Bapa Terhadap Kanak-Kanak*.
- Zainiah Mohamed Isa, Jupri Bacotang, Mazlina Che Mustafa. (2017), *Tahap Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak berusia 2+ tahun*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaleha Damanhuri & Mariani Md Nor (2020), Hubungan Ekspresi Emosi Ibumapa Dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak, Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial (2.0), 50-58
- Zulkifli Abd Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad, Ismi Arif Ismail (2011), *Hubungan antara Penglibatan Ibu bapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor*. Journal of Islamic and Arabic Education 3(2). 31-